

10 OCT 1996

Umno-Abdullah

KEJAYAAN ABDULLAH SATU LAGI PENGHORMATAN BAGI KEMENTERIAN LUAR

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama) -- Pemilihan Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi sebagai Naib Presiden Umno merupakan satu lagi penghormatan kepada kementerian itu yang agak menyerlah tahun ini.

Kejayaan Abdullah menduduki satu daripada tiga kerusi penting dalam parti itu dicapai ekoran dua perkembangan besar membabitkan kementerian itu dalam masa satu bulan lepas.

Ia bermula dengan pelantikan mengejut Datuk Abdul Halim Ali sebagai Ketua Setiausaha Negara, setelah beliau menjadi Ketua Setiausaha kementerian itu hanya untuk dua minggu.

Hanya sehari sebelum itu pelantikan Halim itu, Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Tan Sri Razali Ismail dipilih sebagai Presiden Perhimpunan Agung badan dunia itu untuk tempoh setahun.

Ia merupakan kejayaan terbesar Malaysia di PBB.

Pelantikan Razali mendapat pengiktirafan meluas di negara-negara Barat yang menganggap beliau sebagai antara duta berkebolehan.

Kemenangan Abdullah hari ini menebus kembali kegagalannya pada pemilihan lepas pada 1993. Sebelum itu, beliau pernah menduduki kerusi itu untuk tiga penggal.

Pemerhati berpendapat kejayaan beliau ada kaitan dengan rayuan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden Umno kepada perwakilan dalam ucapannya pagi tadi supaya menolak dan menubangkan calon yang menggunakan wang untuk mendapat jawatan parti.

Kemenangan Abdullah disambut dengan tangisan oleh kebanyakan penyokongnya yang kelihatan terus memeluk sambil mengucapkan tahniah kepadanya sebaik saja beliau turun dari pentas.

Keghairahan penyokong untuk mendekati Abdullah menyebabkan keadaan menjadi sesak hingga beliau terpaksa diiring keluar dari Dewan Merdeka.

Di luar dewan pula, Abdullah dijulung oleh penyokong beliau yang kemudian meluangkan namanya.

"Kemenangan saya membuktikan perwakilan dan ahli UMNO inginkan saya kembali," katanya apabila ditanya perasaannya memenangi jawatan itu.

Sambil mengucapkan syukur, Abdullah berjanji akan terus memberi khidmat terbaik bagi memantapkan parti. --BERNAMA

ARA MAI